



KEMENTERIAN KEMAJUAN
LUAR BANDAR DAN WILAYAH

TEKS UCAPAN

YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

SEMPENA

MAJLIS PENYERAHAN MOBILEPRENEUR@KKLW TAHUN 2017
PERINGKAT ZON SELATAN

GIATMARA PRIMA LEDANG,
JOHOR

26 SEPTEMBER 2017 (SELASA)
WAKTU KETIBAAN : 10.30 PAGI

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Tuan / Puan Pengacara Majlis.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam Sejahtera dan Salam Sehati Sejiwa.

Syukur Alhamdulillah, marilah kita sama-sama menzahirkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T di atas perkenan dan izin-Nya kerana dapat kita berhimpun di "Majlis Penyerahan Mobilepreneur@KKLW 2017 Peringkat Zon Selatan bertempat di GIATMARA Prima Ledang, Johor pada hari yang berbahagia ini.

Saya ingin mengambil peluang di sini untuk mengalu-alukan kehadiran semua Dif-dif Kehormat dan jemputan terutamanya YB Datuk Dr. Haji Hamim bin Samuri, Ahli Parlimen Ledang, YB Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohammad, EXCO Kemajuan Luar Bandar Negeri Johor, EXCO Kemajuan Luar Bandar Negeri Melaka, EXCO Kemajuan Luar Bandar Negeri Sembilan, wakil-wakil agensi Persekutuan dan Negeri, Ketua Jabatan dan Agensi di bawah KKLW, para pemimpin setempat, para media, peserta Mobilepreneur serta hadirin sekalian yang sudi meluangkan masa untuk hadir bagi menyokong pelaksanaan program ini.

Yang Berhormat Datuk Sri, Datuk/Dato'/Tuan/Puan dan hadirin yang dihormati sekalian,

1. Majlis hari ini adalah bertujuan untuk menyempurnakan penyerahan bantuan Program Usahawan Bergerak iaitu Mobilepreneur@KKLW Tahun 2017 kepada seramai 152 orang peserta bagi zon selatan yang melibatkan peserta-peserta dari negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan. Untuk makluman semua sekalian, program Mobilepreneur@KKLW adalah inisiatif Kementerian ini bagi membantu golongan belia luar bandar menjalankan perniagaan berasaskan perkhidmatan bergerak dengan modal permulaan yang minimum tanpa perlu membuka atau menyewa kedai. Ia bertujuan untuk memudahkan kumpulan sasar menjalankan perniagaan dan seterusnya meningkatkan sumber pendapatan masing-masing.
2. Program Mobilepreneur@KKLW mula diperkenalkan oleh Kementerian ini pada tahun 2016 dengan penyertaan seramai 500 orang peserta di seluruh negara dengan konsep menawarkan perkhidmatan secara bergerak selari dengan usaha kerajaan untuk membantu golongan belia yang mempunyai kemahiran dan kesungguhan tinggi meningkatkan pendapatan dan taraf hidup mereka melalui bidang keusahawanan. Program ini dilaksanakan melalui pemberian pakej keusahawanan lengkap kepada peserta meliputi sebuah motosikal termasuk kotak peralatan dan set peralatan mengikut bidang kemahiran peserta. Selain itu, latihan

asas keusahawanan diberikan kepada peserta sebagai persediaan memulakan perniagaan.

3. Perkhidmatan menggunakan motosikal dipilih kerana lebih murah dan mudah akses ke mana-mana lokasi terutama di luar bandar di samping memberi kelebihan kepada peserta meluaskan jangkauan kawasan perniagaan mereka. Perolehan pendapatan adalah lebih terjamin kerana peserta mempunyai kemahiran dan telah bersedia memberikan perkhidmatan. Selain itu, tren perniagaan seperti ini semakin di terima umum kerana orang ramai tidak perlu ke kedai bagi mendapatkan perkhidmatan.

4. Saya berasa amat gembira disebabkan Program Mobilepreneur ini semakin menerima sambutan yang menggalakkan daripada pelbagai pihak terutamanya golongan belia sejak diperkenalkan. Ramai yang menyatakan minat untuk menyertai program ini ketika penyertaan peserta di buka pada tahun 2016 dari maklum balas yang di terima oleh program promosi dan pameran seperti Program Transformasi Luar Bandar.

Yang Berhormat Datuk Sri, Datuk/Dato'/Tuan/Puan dan hadirin yang dihormati sekalian,

5. Program Mobilepreneur@KKLW dilaksanakan dengan hasrat untuk menghadapi beberapa cabaran dalam usaha membangunkan luar bandar. Pertama, wujud kekurangan sumber modal insan yang berpotensi untuk menggerakkan ekonomi luar bandar di sebabkan penghijrahan belia ke bandar. Kedua, ia melibatkan persepsi bahawa peluang pekerjaan di luar bandar dilihat kurang menarik dari sudut peningkatan pendapatan dan tiada peluang kerjaya di masa hadapan dan Ketiga, pandangan mengenai pembangunan ekonomi tidak berlaku dengan pesat di luar bandar kerana faedah ekonomi bidangan yang terhad. Oleh itu, keperluan untuk merangka strategi dan pendekatan dengan menggalakkan aktiviti ekonomi dan keusahawanan di luar bandar melalui konsep Mobilepreneur dirangka sebagai pencetus kepada pertumbuhan ekonomi setempat. Situasi ini diharap dapat membantu Kerajaan mencapai matlamat transformasi ekonomi di luar bandar dengan lebih pesat.

Yang Berhormat Datuk Sri, Datuk/ Tuan/Puan dan hadirin yang dihormati sekalian,

AGENDA MENANGANI KOS KEHIDUPAN YANG MENCABAR

6. Seperti mana yang kita sedia maklum, Kerajaan telah melaksanakan dua agenda utama pembangunan negara iaitu melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) sejak Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) dan agenda ini diteruskan hingga sekarang. Program-program untuk membangunkan masyarakat luar bandar telah diberi pendekatan yang lebih menyeluruh di bawah Model Ekonomi Baru dengan inisiatif ke arah menjadikan Malaysia negara berpendapatan tinggi. Matlamat ini merujuk kepada inisiatif

mengunjurkan pendapatan isi rumah rakyat yang lebih tinggi daripada kedudukan sekarang dengan impak peningkatan pendapatan rakyat tidak hanya tertumpu kepada kumpulan-kumpulan tertentu sahaja tetapi meliputi semua peringkat lapisan rakyat termasuk yang berada di kawasan luar bandar.

7. Kewujudan jurang pendapatan yang tidak seimbang terutamanya antara kumpulan isi rumah berpendapatan tinggi dengan kumpulan isi rumah 40% kumpulan berpendapatan terendah (B40) menyebabkan Kerajaan sentiasa merangka pelbagai strategi untuk menangani isu-isu ekonomi yang berlaku di bandar-bandar dan di kawasan luar bandar. Oleh yang demikian, pelaksanaan Program Mobilepreneur dilihat sebagai satu langkah yang baik bagi memberi peluang keusahawanan berkembang dan akan meningkatkan tahap ekonomi yang memberangsangkan di luar bandar secara berterusan. Ini akan memberi manfaat kepada masyarakat luar bandar yang berpendapatan rendah serta mempunyai kemahiran dan berkecenderungan meluaskan kerjaya keusahawanan.

Yang Berhormat Datuk Sri/Datuk/Tuan/Puan dan hadirin yang dihormati sekalian,

PENCAPAIAN PROGRAM MOBILEPRENEUR 2016

8. Program Mobilepreneur@KKLW telah dilancarkan pada bulan Mei, 2016 namun dalam masa enam hingga sembilan bulan menjalankan perniagaan, peserta Mobilepreneur@KKLW 2016 telah menunjukkan outcome yang berkesan terutamanya dari segi peningkatan pendapatan peserta. Berdasarkan kajian ke atas 500 peserta Program Mobilepreneur@KKLW 2016 sehingga Julai, 2017 seramai 490 peserta (98%) telah berjaya meningkatkan pendapatan melebihi 10% daripada pendapatan asal. Daripada kesemua tersebut, seramai 376 (75.2%) telah berjaya meningkatkan pendapatan sebanyak 30% sementara itu seramai 138 peserta (27.6%) adalah mereka yang berjaya meningkatkan pendapatan lebih daripada 100% daripada pendapatan asal. Peningkatan pendapatan secara purata bagi keseluruhan 500 peserta adalah sebanyak RM534.00 sebulan.

9. Pencapaian outcome ini secara keseluruhan menunjukkan keberkesanan program dalam meningkatkan pendapatan peserta walaupun terdapat juga beberapa peserta yang tidak dapat meneruskan program ini. Bagi peserta-peserta ini, mereka telah memulangkan bantuan yang di terima mengikut perjanjian kontrak yang dimeterai bersama pihak agensi pelaksana dan seterusnya bantuan tersebut diberikan kepada peserta lain yang lebih memerlukan.

Yang Berhormat Datuk Sri, Datuk/ Tuan/Puan dan hadirin yang dihormati sekalian,

10. Program Usahawan Bergerak atau Mobilepreneur@KKLW yang diperkenalkan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dilihat relevan pada masa kini berikutan daripada potensi perniagaan tersebut dalam meningkatkan pendapatan belia luar bandar. Ada berpandangan bahawa konsep mobilepreneur

hanya sesuai dilaksana di bandar-bandar memandangkan kehidupan masyarakat luar bandar dikatakan tidak ekonomik kepada kewujudan perniagaan bergerak. Penambahan pendapatan peserta yang berlaku memberi gambaran bahawa program ini membawa satu pendekatan positif dan pemudahcara kepada usaha menggerakkan keusahawanan dan pembangunan ekonomi luar bandar yang membawa kepada kemudahan hidup masyarakat dan dapat diserap dengan baik oleh komuniti luar bandar.

11. Saya juga dapat merumuskan bahawa Program Mobilepreneur@KKLW telah menyediakan satu platform mudah kepada golongan belia luar bandar untuk memulakan perniagaan melalui penyediaan kenderaan dan peralatan di mana peserta tidak perlu berfikir untuk menyewa kedai atau peralatan untuk menjalankan perniagaan mereka. Kemudahan motosikal dan peralatan asas yang dibekalkan melalui program ini mampu membantu peserta menjalankan perkhidmatan mereka dengan modal yang sangat minima tetapi member pulangan yang menguntungkan. Sebagai contoh perkhidmatan menggunting atau mendandan rambut yang membolehkan peserta menawarkan perkhidmatan dari rumah ke rumah kepada pelanggan. Konsep ini dilihat lebih menarik dan efektif berbanding penawaran perkhidmatan di premis kedai. Tahniah saya ucapkan kepada semua peserta program Mobilepreneur 2016 kerana dengan usaha keras, mereka berjaya meningkatkan pendapatan masing-masing ke tahap yang lebih baik daripada sebelumnya. Saya percaya kejayaan mereka bukan mudah dicapai dan sudah tentu perniagaan mereka diuruskan berdasarkan kepada perkhidmatan yang berkualiti dan cekap dan terutamanya pengenaan caj perkhidmatan yang berpatutan.

12. Keberkesanan program ini juga dilihat berhubung rapat dengan kemajuan teknologi yang semakin menular kepada masyarakat luar bandar. Usaha Kerajaan dalam menaikkan taraf pendidikan masyarakat luar bandar telah memberi kesan kepada corak pemikiran masyarakat luar bandar terutamanya golongan belia. Mereka dapat memanipulasi peluang dan kemudahan yang diberikan dengan baik melalui kreativiti dari sudut perkhidmatan yang dapat meningkatkan pendapatan mereka. Melalui program ini, dapat dilihat sebahagian peserta Mobilepreneur menggunakan medium sosial dengan berkesan untuk melakukan iklan dan penghebahan tentang perniagaan atau perkhidmatan yang ditawarkan melalui konsep hashtag dan tagline.

13. Peserta Mobilepreneur@KKLW juga dilihat telah berikhtiar melaksanakan pelbagai usaha bagi memastikan kelestarian perkhidmatan mereka, baik dari sudut pemasaran, harga yang kompetitif, keunikan perkhidmatan yang ditawarkan termasuk waktu operasi perniagaan. Sekiranya semua aspek pengurusan perniagaan ini dilakukan dengan jaya, ia dapat membangunkan industri usahawan luar bandar dan seterusnya menjadi pencetus kepada kemajuan ekonomi setempat. Sehubungan itu, konsep Mobilepreneur ini dilihat sebagai sebagai salah satu cabang dasar strategik Kerajaan yang mahukan kepelbagaian dalam sumber ekonomi

rakyat. Hasil daripada kepelbagaian sumber ekonomi ini kelak akan melihat peningkatan dalam taraf hidup masyarakat luar bandar seiring dengan hasrat negara untuk meningkatkan pendapatan rakyat sekaligus mengurangkan peratusan mereka yang berada dalam kumpulan B40.

PENAMBAHBAIKAN PROGRAM MOBILEPRENEUR

14. Analisa pencapaian peserta Program Mobilepreneur 2016 setakat ini telah membantu Kementerian untuk menambahbaik strategi dan perancangan pada tahun ini. Pemilihan peserta pada tahun 2017 telah diperkemaskan dengan proses pemilihan yang lebih rapi melalui pelaksanaan ujian psikometrik dan temuduga ke atas pemohon bagi mendapatkan peserta yang terbaik. Selain daripada itu, aspek pemantauan juga dimantapkan dengan menggunakan konsep “buddy system” bagi membolehkan setiap kumpulan peserta mengikut zon masing-masing dipantau melalui perjumpaan secara berkala bagi membolehkan pengurus di peringkat negeri dapat memantau peserta dengan lebih baik. Peranan seorang pengurus lebih daripada setakat memantau peserta, mereka turut memberi bimbingan dan nasihat sewajarnya dari semasa kesemasa.

MASA HADAPAN PROGRAM MOBILEPRENEUR

15. Saya berpandangan bahawa Program Mobilepreneur@KKLW memiliki potensi yang tersendiri dari segi konsep dan pelaksanaannya kerana ia bersesuaian dengan keperluan semasa masyarakat. Kita mengharapkan bahawa pada masa hadapan, kumpulan peserta Mobilepreneur ini tidak lagi berada di takuk lama perniagaan masing-masing. Saya ingin melihat para peserta mempunyai inisiatif sendiri bagi menggerakkan perniagaan mereka lebih jauh ke hadapan menjadi entiti-entiti perniagaan atau syarikat besar yang berdaya maju dan berdaya saing di luar bandar.

16. Oleh itu, para peserta Mobilepreneur perlu bijak merangka strategi perniagaan masing-masing bagi memasarkan perkhidmatan mereka. Selain daripada kaedah pemasaran secara konvensional, usahawan Mobilepreneur perlu mengaplikasikan langkah yang bijak, berfikiran kreatif dan inovatif dalam menggunakan medium sosial seperti *Facebook*, *Instagram*, *Twitter* dan lain-lain bagi memasarkan produk atau perkhidmatan mereka. Selain itu, usaha melahirkan usahawan akan lebih berjaya dengan adanya penglibatan dan sinergi bersama para usahawan sedia ada yang telah menempa nama dalam perniagaan masing-masing. Pengalaman, bimbingan serta tunjuk ajar daripada kalangan usahawan yang telah berjaya ini amat perlu untuk dijadikan sumber rujukan kepada peserta Mobilepreneur.

17. Dalam keadaan ekonomi global yang tidak menentu ini, belia luar bandar tidak seharusnya berfikir untuk meninggalkan kampung halaman masing-masing

bagi mengejar kerjaya di bandar-bandar atau pun bergantung semata-mata untuk mendapatkan pekerjaan makan gaji. Kini, pihak Kerajaan telah menyediakan platform dan peluang bagi membimbing mereka yang ingin menceburi bidang perniagaan dan keusahawanan. Dengan adanya Program Mobilepreneur@KKLW ini, peluang kepada golongan belia luar bandar terbuka luas kepada mereka untuk memulakan perniagaan.

18. Pada tahun ini, Kementerian menyasarkan penyertaan peserta seramai 3,000 orang di seluruh negara. Kementerian ini mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri kerana telah meluluskan peruntukan khas sebanyak RM25 juta kepada Kementerian untuk meneruskan pelaksanaan program Mobilepreneur@KKLW pada tahun ini. Semoga peserta Mobilepreneur@KKLW 2017 berasa bersyukur dan mempunyai azam yang kuat untuk berjaya selepas menerima peluang kerjaya ini.

Yang Berhormat Datuk Sri/Datuk/ Tuan/Puan dan hadirin yang dihormati sekalian,

PENUTUP

19. Saya ingin mengucapkan tahniah dan ucapan selamat maju jaya kepada semua peserta Mobilepreneur@KKLW 2017 Zon Selatan yang terpilih menyertai program ini. Mereka sewajarnya bersyukur dan menghargai pemberian ini dan harus membalas kepercayaan Kerajaan dengan membuktikan semangat dan iltizam untuk bekerja kuat menjayakan program ini. Seperti kata-kata bidalan, “Bukan semua rezeki akan datang bergolek tetapi datang dari usaha keras sendiri tanpa mengenal erti jemu dan kegagalan.”

20. Seperkara lagi yang ingin saya tekankan ialah amalan dan nilai murni dalam diri kita sebagai seorang usahawan. Kita perlu menekankan peri pentingnya *towering personality* atau budi pekerti tinggi sebagai asas yang perlu untuk mencipta kejayaan tidak kira dalam apa jua lapangan.

21. Peringatan ikhlas saya kepada semua peserta supaya menggunakan bantuan yang disumbangkan oleh Kerajaan dengan sebaik-baiknya demi usaha peningkatan taraf hidup yang lebih baik. Begitu juga dengan penggunaan peralatan Mobilepreneur, saya berharap supaya semua peserta tidak menyalahgunakan kemudahan yang telah diberikan dan gunakanlah dengan sebaiknya. Sekiranya ada yang menghadapi sebarang kerumitan mengenai perniagaan masing-masing agar dapatkanlah bantuan dan bimbingan yang sewajarnya daripada mana-mana agensi di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

22. Akhir kata, saya mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada semua tetamu yang hadir ke majlis ini. Harapan saya semoga pelaksanaan Program Mobilepreneur berjalan lancar dan berjaya menghasilkan *outcome* serta impak yang

tinggi bukan sahaja kepada peserta tetapi juga daripada sudut pembangunan luar bandar secara keseluruhan.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Majlis Penyerahan Mobileprneur@KKLW 2017 peringkat Zon Selatan.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima Kasih.